



LAPORAN CERAPAN RASMI HILAL ZULHIJAH 1426 HIJRI PADA 29 ZULQA'DAH 1426/31 DISEMBER 2005

1- Pada 31 Disember 2005 (Sabtu) bersamaan 29 Zulqa'dah 1426 telah diadakan Majlis Cerapan Rasmi Hilal Zulhijjah bagi menetapkan 10 Zulhijjah (Hari Raya Qurban) di 3 lokasi cerapan iaitu :-

- i- Bukit Malawati, Kuala Selangor
- ii- Pulau Angsa, Kuala Selangor
- iii- Bukit Jugra, Kuala Langat

2- Untuk mensabitkan anak bulan boleh kelihatan atau sebaliknya, ia bergantung kepada syarat Imkannur Rukyah yang ditetapkan iaitu :

(a) Ketika matahari terbenam:-


- i- Ketinggian (altitud) bulan tidak kurang daripada 2°

DAN

- ii- Jarak lengkung matahari ke bulan tidak kurang daripada 3°

ATAU

(b) Ketika hilal terbenam, umur hilal tidak kurang daripada 8 jam
(*umur hilal dikira daripada waktu ijtimak sehingga waktu hilal terbenam*).



Gambar menunjukkan justifikasi Imkannur Rukyah (kebolehnampakkan) hilal yang digunakan bagi menentukan awal bulan hijri.

- 3- Berdasarkan kepada data rukyah dan maklumat cerapan daripada ketiga-tiga lokasi, pada hari rukyah iaitu 29 Zulqad'ah 1426 Hijri bersamaan 31 Disember 2005 Miladi, hilal telah menepati justifikasi Imkannur Rukyah yang telah ditetapkan. *(maklumat dan data cerapan dilampirkan.)*
- 4- Dalam menjalankan aktiviti cerapan hilal, terdapat empat (4) keadaan berbeza yang boleh berlaku pada hari rukyah iaitu:-
 - (a) Hilal belum wujud lagi kerana ijtimak masih belum berlaku.
 - (b) Hilal masih belum wujud lagi, walaupun ijtimak telah berlaku.
(tempoh masa yang singkat antara ijtimak dan terbenam matahari)
 - (c) Hilal telah berada di atas ufuk, tetapi sifat fizikalnya masih belum matang dan tidak mencapai syarat kenampakan hilal menurut Imkannur Rukyah.

(d) Hilal telah berada di atas ufuk dan menepati justifikasi Imkannur Rukyah.

- 5- Dengan merujuk kepada keadaan di atas, **perkara 4 (d) adalah berkaitan iaitu hilal telah berada di atas ufuk dan menepati justifikasi Imkannur Rukyah.**
- 6- Walaubagaimanapun berdasarkan laporan daripada ketiga-tiga lokasi cerapan, ketika hari rukyah anak bulan tidak dapat dilihat disebabkan keadaan cuaca yang tidak mengizinkan.
- 7- Kesimpulannya, berdasarkan maklumat di atas, pada hari berikutnya (Ahad – 1 Januari 2006 bersamaan 1 Zulhijjah 1426) maka Hari Raya Qurban jatuh pada 10 Zulhijjah 1426 (Selasa).

Laporan di sediakan oleh,

Rizal B. Ramli
Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (S27)
Bahagian Falak Syarie
Jabatan Mufti Negeri Selangor